

UMS berjaya harumkan nama Malaysia peringkat antarabangsa

NST 18.10.2012 2

OLEH MARRYAN RAZAN
(marrayan@newsabahtimes.com.my)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bukan sahaja berjaya melahirkan golongan intelektual malah berjaya mengharumkan Malaysia di peringkat antarabangsa melalui banyak kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk seni dan sukan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, dalam bidang seni UMS berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila memenangi dua pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa dalam Pertandingan World Championship of Performing Art di Hollywood, Los Angeles, Amerika Syarikat pada Jun lalu.

"Selain itu pada Julai tahun ini pelajar UMS terus mengangkat mercu kejayaan apabila diberikan penghormatan dan kepercayaan mewakili Malaysia untuk membuat persembahan pembukaan dan penutupan bersama 12th Yeosu International Youth Festival dengan menghantar 13 pelajar mempersembahkan tarian tradisi Sabah dan tarian bercirikan Malaysia, di Yeosu Korea Selatan.

"Baru-baru ini seorang lagi pelajar UMS iaitu Jufazli Shi Ahmad iaitu bakal graduan, menerima Anugerah Tokoh Sejahteraan Muda dan Anugerah Pendebar Terbaik dalam Pertandingan Debat Piala Perdana Menteri pada 10 Oktober lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika bercap pada Majlis Perasmian Pesta Tamu Gadang ke-14 di Dataran Dewan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.

Majlis itu disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Haji Juhar Mahiruddin.

Turut hadir isterinya Toh Puan Hajah Norlidah RM. Jasni dan Naib Canselor UMS Prof.

Datuk Dr. Harun Abdullah.

Tamu Gadang itu akan berlangsung sehingga 24 Oktober ini, adalah program terbesar UMS sempena Majlis Konvokesyen kali ke-14 universiti itu.

Kasim berkata, dalam bidang sukan pula, tiga pelajar UMS dipilih mewakili Malaysia dalam kejohanan Taekwondo Universiti Dunia di Puchon Korea.

"UMS turut cemerlang dalam pasukan unit beruniform dan telah dinobatkan sebagai johan perbarisan sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama (TYT) pada 6 Oktober lalu," katanya.

Beliau berkata, pencapaian itu menunjukkan UMS bukan sahaja gedung ilmu tetapi menyediakan ruang dan menjadi platform kepada mahasiswa/siswi meningkatkan kemahiran insaniah melalui aktiviti kemahasiswaan.


"Saya yakin dan percaya UMS mampu melahirkan lebih ramai modal insan kelas pertama yang setaraf dengan graduan luar negara.

"Ini menunjukkan mahasiswa dan mahasiswi UMS tidak ketinggalan dalam arus perdana kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.


Kasim berkata UMS juga menyahut seruan kerajaan dengan menganjurkan aktiviti kemasyarakatan di bawah Program Blue Ocean Strategy anjuran Majlis Kesukarelawan Universiti-universiti Malaysia iaitu mendirikan rumah penduduk termiskin di Kg. Kualambai Kota Belud.

Katanya aktiviti kemahasiswaan melalui program kemasyarakatan itu telah banyak dilaksanakan di seluruh negara mahupun di luar negara merentasi sempadan.

"Aktiviti memasyarakatkan mahasiswa seumpama ini membina hubungan baik antara mahasiswa dan komuniti setempat.



LANCARKAN...Tun Juhar (tengah) ketika melancarkan Tamu Gadang UMS, turut diperhatikan oleh Mohd Harun (kanan) dan Kasim (kiri).



LAWAT GERAI...Tun Juhar melawat salah satu gerai Tamu Gadang, turut kelihatan Toh Puan Norlidah.